

1.0 PENDAHULUAN DAN PANDUAN PENGGUNAAN

1.1 TUJUAN

1.1.1 Tujuan buku ini dikeluarkan adalah untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kos bagi melaksanakan kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran. Maklumat-maklumat kos ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menyediakan anggaran kos, membuat pelarasan kadar-kadar harga atau untuk tujuan perundingan kadar harga.

1.2 KANDUNGAN

1.2.1 Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam buku ini adalah berdasarkan kepada dokumen-dokumen tender bagi kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran yang pada amnya adalah terdiri dari:

- i) Kerja-kerja Saliran dan Tebatan Banjir
- ii) Kerja-kerja Kejuruteraan Pantai
- iii) Kerja-kerja Kejuruteraan Sungai

1.2.2 Maklumat-maklumat ini disusun dalam empat (4) bahagian utama iaitu;

- i) Kos Kerja-kerja Am (General Items)
- ii) Kos Item-item Kerja
- iii) Kos Upah Buruh
- iv) Kos Sewa Loji & Peralatan

- 1.2.3 Maklumat-maklumat kos ini juga dibahagi-bahagikan mengikut kategori kawasan dimana projek tersebut dilaksanakan iaitu seperti berikut

<u>KATEGORI KAWASAN</u>	<u>NEGERI</u>
Kawasan Utara	- Perlis - Perak - Kedah - Pulau Pinang
Kawasan Tengah	- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Negeri Sembilan - Selangor - Melaka - Johor
Kawasan Timur	- Pahang - Kelantan - Terengganu

1.3 SUMBER MAKLUMAT / PEMILIHAN SAMPEL

- 1.3.1 Data-data di dalam buku ini adalah diabstrak dari dokumen-dokumen tender secara konvensional bagi projek yang dilaksanakan dalam tahun 2012 daripada tender yang ditutup di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Malaysia.

- 1.3.2 Kadar harga diambil daripada dokumen tender yang disediakan berasaskan kepada senarai kuantiti.

1.4 ANALISA DAN SUSUNAN DATA

- 1.4.1 Data-data bagi item yang serupa dikumpulkan dan dijadikan dalam bentuk julat dan purata. Data-data yang terlalu tinggi atau rendah tidak diambilkira.

- 1.4.2 Melalui penganalisaan tersebut adalah didapati wujudnya ketidakseragaman di dalam penyediaan dokumen tender/tawaran, samada dari segi pengukuran kuantiti dan keterangan kerja bagi beberapa item kerja. Sehubungan dengan itu, item-item yang serupa/hampir serupa telah dikumpulkan bersekali dan diberikan didalam bentuk julat dan purata. Pertimbangan tidak diberikan bagi cara pengukuran yang berbeza bagi satu-satu item kerja yang sama.
- 1.4.3 'Harga Purata' bagi sesuatu kawasan diperolehi berdasarkan kepada jumlah nilai data-data kos bagi sesuatu item kerja dan dibahagikan kepada bilangan sampel yang diambil bagi kawasan berkenaan.
- 1.4.4 Julat keseluruhan adalah berdasarkan kepada nilai purata minimum dan nilai purata maksimum bagi semua kawasan.

1.5 PEMAKAIAN DATA

- 1.5.1 Data-data di dalam buku ini hendaklah digunakan sebagai panduan sahaja.
- 1.5.2 Pengguna hendaklah menggunakan budibicara bagi memilih kos yang bersesuaian dengan berdasarkan kepada;
- i) Nilai kontrak
 - ii) Keperluan spesifikasi
 - iii) Cara pengukuran bagi projek yang akan dilaksanakan
 - iv) Lokasi projek
 - v) Keadaan pasaran semasa